



SEKOLAH AKTIVISME SUARAM

Pengenalan – Hak Asasi Manusia

Oleh: **Syahredzan Johan**

Apa Itu ‘Hak Asasi Manusia?’

- Jaminan undang-undang yang universal, melindungi individu dan kumpulan daripada tindakan kerajaan yang mengganggu kebebasan asasi dan martabat (dignity) manusia.
- Undang-undang hak asasi manusia mewajibkan kerajaan untuk membuat perkara-perkara tertentu, dan menghalang kerajaan untuk melakukan perkara-perkara tertentu.
- Undang-undang hak asasi manusia mewajibkan kerajaan untuk membuat perkara-perkara tertentu, dan menghalang kerajaan untuk melakukan perkara-perkara tertentu.

Ciri-ciri Hak Asasi Manusia

- Martabat manusia (human dignity)
- Perlindungan undang-undang
- Jaminan antarabangsa
- Melindungi individu dan kumpulan
- Obligasi Negara-negara
- Tidak boleh dipisahkan (inalienable)
- Kesamaan (equality)
- Universal
- Tidak boleh dibahagikan (indivisible)

Instrumen Hak Asasi Manusia Antarabangsa

Rang hak asasi manusia antarabangsa

- Universal Declaration of Human Rights (UDHR)
- International Covenant on Civil and Political Rights (ICCPR)
- International Covenant on Economic, Social and Cultural Rights (ICESCR)

Triti-triti khusus

- Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women (CEDAW)
- Convention on the Rights of the Child (CRC)
- Convention on the Rights of Persons with Disabilities (CRPD)
- Convention against Torture and Other Cruel, Inhuman or Degrading Treatment or Punishment (CAT)
- International Convention on the Protection of the Rights of All Migrant Workers and Members of Their Families (ICPMW)
- Dan lain-lain.

Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR)

Perkara 1

- Semua manusia dilahirkan bebas dan samarata dari segi kemuliaan dan hak-hak. Mereka mempunyai pemikiran dan perasaan hati dan hendaklah bertindak di antara satu sama lain dengan semangat persaudaraan.

Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR)

Perkara 2

- Setiap orang adalah berhak kepada semua hak-hak dan kebebasan yang termaktub dalam Perisytiharan ini, tanpa sebarang apa jua pembezaan, seperti bangsa, warna kulit, jantina, bahasa, ugama, faham politik atau lain-lain fahaman, asal-usul bangsa keturunan atau sosial harta-benda, kelahiran atau apa-apa taraf lain.
- Seterusnya, tiada sebarang pembezaan boleh dibuat berasaskan pada taraf politik atau bidangkuasa ataupun antarabangsa sesebuah negara atau wilayah datangnya seseorang itu, sama ianya merdeka, berauanah, tanpa pemerintahan sendiri atau berada di bawah apa-apa sekatan kedaulatan lainnya.

Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR)

Perkara 19

- Setiap orang adalah berhak kepada kebebasan pendapat dan mengeluarkan fikiran; hak ini termasuklah kebebasan memegang pendapat tanpa gangguan dan menuntut, menerima dan menyebarkan maklumat dan buah fikiran melalui sebarang media dan tanpa mengira sempadan.

Kebebasan Bersuara dan Berpendapat

- Termaktub dalam Perkara 10(1)(a) Perlembagaan Persekutuan.
- Boleh disekat melalui undang-undang digubal Parlimen atas sebab, antaranya, ketenteraman awam, keselamatan dalam negeri, moraliti awam, dsbnya.
- Banyak undang-undang yang menyekat kebebasan ini - Akta Hasutan, Akta Komunikasi dan Multimedia, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, Akta Rahsia Rasmi dan Kanun Keseksaan.
- Kes seperti The Edge, Fahmi Reza, kes-kes Akta Hasutan, Akta Komunikasi dan Multimedia, Rafizi Ramli.

Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR)

Perkara 20

- Setiap orang adalah berhak kepada kebebasan berhimpun secara aman dan menubuhkan persatuan.
- Tiada sesiapa pun boleh dipaksa menjadi ahli manamana pertubuhan.

Kebebasan Berhimpun Dengan Aman

- Termaktub dalam Perkara 10(1)(b) Perlembagaan Persekutuan.
- Boleh disekat melalui undang-undang digubal Parlimen atas sebab ketenteraman awam atau keselamatan dalam negeri.
- Akta Perhimpunan Aman - undang-undang bagi perhimpunan aman. Dahulu, Akta Polis.
- Kes seperti Bersih 2 dan 3, Nik Nazmi, Yuneswaran, Bersih 5.

Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR)

Perkara 18

- Setiap orang adalah berhak kepada kebebasan berfikir, perasaan hati dan ugama; hak ini termasuklah kebebasan menukar ugama atau kepercayaannya, dan kebebasan, samada secara bersendirian atau secara bersama-sama dengan orang-orang lain dan secara terbuka atau bersendiri, menganuti ugama atau kepercayaannya melalui pengajaran, amalan, pemujaan dan pematuhan.

Kebebasan Beragama

- Termaktub dalam Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan.
- Semua orang punya hak menganut dan mengamalkan agama mereka sendiri.
- Ada hak menyebar agama, boleh ada sekatan oleh negeri-negeri terhadap sebaran pada orang Islam.
- Kebebasan beragama buat orang Islam?
- Kes-kes seperti The Herald, penukaran agama secara unilateral, Shiah, Ahmadiyah, ateis.

Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR)

Perkara 8

- Setiap orang adalah berhak kepada pemulihan yang berkesan oleh tribunal-tribunal kebangsaan yang kompeten terhadap tindakan-tindakan yang melanggar hak-hak asasi yang diberikannya oleh perlembagaan atau oleh undang-undang.

Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR)

Perkara 9

- Tiada sesiapa pun boleh dikenakan tangkapan, tahanan atau pembuangan negeri secara sewenangwenangnya.



Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR)

Perkara 10

- Setiap orang adalah berhak dengan samarata sepenuhnya kepada pembicaraan adil dan terbuka oleh suatu tribunal bebas dan saksama, dalam penetapan hak-hak dan tanggungannya dan sebarang tuduhan jenayah terhadapnya.

Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR)

Perkara 11

- Setiap orang yang dituduh dengan kesalahan keseksaan adalah berhak dianggap tidak salah sehingga dibuktikan salah menurut undang-undang di dalam perbicaraan terbuka di mana dia telah diberikan segala jaminan yang perlu untuk pembelaannya.
- Tiada sesiapa pun boleh diputuskan bersalah atas sebarang kesalahan keseksaan oleh kerana sebarang tindakan atau ketinggalan yang tidak merupakan suatu kesalahan kesiksaan, di sisi undang-undang kebangsaan atau antarabangsa, pada masa ianya dilakukan. Tiada pula boleh dikenakan sebarang hukuman yang lebih berat dari hukuman yang terpakai ketika kesalahan keseksaan itu dilakukan.

Hak Untuk Dibicara Dengan Adil

- Seseorang itu tidak boleh dihukum tanpa diberi peluang untuk membela diri di sebuah Mahkamah yang bebas.
- Perkara 5 - nyawa dan kebebasan diri tidak boleh ditarik kecuali mengikut undang-undang.
- Undang-undang yang benarkan penahanan tanpa bicara seperti POTA, POCA, SOSMA. Dulu, ISA dan EO.
- Kes-kes ISA, EO, Maria Chin.

Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR)

Perkara 13

- Setiap orang adalah berhak kepada kebebasan bergerak dan bermastautin di dalam sempadan sesebuah negara.
- Setiap orang berhak meninggalkan mana-mana negara, termasuk negaranya sendiri, dan kembali semula ke negaranya.

Kebebasan Bergerak

- Kebebasan bergerak
- Termaktub dalam Perkara 9. Bebas bergerak di dalam Persekutuan melainkan disekat sebab ketenteraman awam atau kesihatan.
- Sabah dan Sarawak punya hak untuk sekat - tetapi adakah sekatan yang dikenakan wajar?
- Kes-kes ahli politik / aktivis disekat masuk ke Sabah dan Sarawak, luar negara.

Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR)

Perkara 21

- Setiap orang berhak mengambil bahagian dalam kerajaan negaranya, secara langsung atau melalui wakil-wakil yang dipilih dengan bebas.
- Setiap orang adalah berhak kepada peluang samarata kepada perkhidmatan awam dalam negaranya.
- Kemahuan rakyat hendaklah menjadi asas kewibawaan kerajaan; kemahuan ini hendaklah dibuktikan melalui pilihanraya berkala yang sejati yang mana hendaklah diadakan secara sejahtera dan samarata dan hendaklah diadakan secara undi sulit atau melalui acara pengundian bebas yang ketara.

Hak Mengundi

- Termaktub dalam Perkara 119(1) Perlembagaan.
- Warganegara yang sudah berdaftar layak mengundi
- Isu-isu seperti gerrymandering, pembahagian tidak sekata (malapportionment), pilihanraya tidak adil, senarai pemilih.

Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR)

Perkara 30

- Tiada apa-apa juga dalam Perisyiharan ini boleh ditafsirkan sebagai sedia tersirat memberikan kepada mana-mana negara, kumpulan atau perseorangan sebarang hak untuk melibatkan diri dalam apa-apa kegiatan atau melakukan apa-apa perbuatan dengan tujuan memusnahkan apa-apa hak dan kebebasan yang termaktub dalam Perisyiharan ini.

SUHAKAM

- Badan berkanun yang diwujudkan melalui Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia.
- Hak asasi' bermaksud kebebasan asasi yang termaktub dalam Bahagian 2 Perlembagaan Persekutuan.
- Fungsi SUHAKAM:
 - Memupuk kesedaran dan menyediakan pendidikan yang berhubung hak asasi manusia;
 - Menasihati dan membantu Kerajaan dalam merumuskan perundangan dan arahan dan tatacara pentadbiran dan mengesyorkan langkah-langkah yang perlu diambil;
 - Mengesyorkan kepada Kerajaan berkenaan dengan penandatanganan atau penyertaan dalam perjanjian dan suratcara antarabangsa yang lain dalam bidang hak asasi manusia;
 - Menyiasat aduan berkenaan dengan pelanggaran hak asasi manusia.

Hak Asasi di Malaysia?

- UDHR tidak mengikat di Malaysia, walaupun kita ada Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia
- SUHAKAM – menyediakan pendidikan, menyiasat pelanggaran hak asasi manusia – tetapi tidak ada kuasa penguatkuasaan
- Malaysia hanya meratifikasi 3 triti hak asasi manusia antarabangsa - Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women, the Convention on the Rights of the Child dan the Convention on the Rights of Persons with Disabilities, dengan rizaban tertentu.
- UDHR hanya ‘persuasive’, perlu rujuk Bahagian II Perlembagaan Persekutuan untuk ambil tindakan di Mahkamah



Terima Kasih

SEKOLAH
SUARAM